

# BARANG-BARANG KEPADA JEMA'AH HAJI 1983



● Datuk Sanusi Junid menyampaikan hadiah cenderamata bagi pihak Tabung Haji kepada Encik McCarthy di majlis itu, selepas menerima hadiah bungkusan untuk jemaah haji tahun ini.

## Sanusi puji kejayaan Tabung Haji

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid menisfatkan kejayaan dan kemampuan Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak sahaja boleh dianggap sebagai lambang kemajuan ekonomi Islam, malah mencerminkan keupayaan umat Islam mengurus dan menjalankan organisasi kewangan.

Lembaga itu, tidak sahaja menguruskan mereka yang akan menunaikan

kan fardhu haji, juga turut menjalankan perniagaan dan kini berkembang sebagai institut kewangan Islam yang berjaya di negara ini.

Menurut Datuk Sanusi, dalam bulan Mac tahun lalu sahaja, Tabung Haji berjaya mengumpulkan lebih \$34 juta hasil dari gerakan kempen secara besar-besaran.

"Pencapaian ini adalah satu rekod sejak 20 tahun Tabung Haji ditubuhkan," katanya.

Datuk Sanusi berkata demikian ketika berucap di majlis menerima sumbangan 25,000 bungkusan hadiah untuk jemaah

haji tahun ini dari Syarikat Lever Brothers, di Ibu Pejabat Tabung Haji, hari ini.

Beliau memberitahu, mulai tahun ini, Tabung Haji dengan kerjasama Wisma Putera dan Kedutaan Besar Malaysia di Jeddah akan mengeluarkan risalah yang mengandungi maklumat dan intisari berita tanah air untuk jemaah haji.

Melalui risalah itu, katanya, jemaah haji dapat mengetahui perkembangan-perkembangan yang berlaku di tanah air selama mereka berada lebih kurang sebulan di Mekah.

Di samping itu, Tabung Haji juga akan mengedarkan borang-borang khas kepada jemaah haji untuk mencatat segala masalah yang akan dikemukakan ketika mereka dalam perjalanan pulang.

Menteri itu berkata, langkah ini adalah antara usaha Tabung Haji untuk memperbaiki perkhidmatannya melalui maklumbalas dari jemaah haji.

"Setiap masalah yang dikemukakan itu akan dikaji dan diteliti. Sekiranya perlu, Tabung Haji akan bertindak," katanya.

### Risalah

Datuk Sanusi juga menasihatkan bakal-bakal haji bersedia menghadapi keadaan dan cuaca yang berbeza, di samping mematuhi nasihat yang diberikan, baik melalui risalah ataupun ceramah-ceramah yang diadakan.

"Semoga jemaah haji kita diberkati Allah dan mencapai haji mabrur," doanya.

Syarikat Lever Brothers menyumbangkan 25,000 bungkusan bernilai \$88,750 kepada jemaah haji tahun ini.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pengerusinya, Encik D.R. McCarthy kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Junid, di Ibu Pejabat Tabung Haji, hari ini.

Tabung Haji melabur dalam syarikat itu pada bulan Jun, 1981 dan memegang sebanyak 2.28 peratus dari jumlah modal dibayar oleh syarikat itu, sementara Perbadanan Nasional Berhad memiliki modal sebanyak 11.72 peratus.

Sumbangan itu, sebanyak 18,655 bungkusan akan diserahkan kepada jemaah haji di Kompleks Jemaah Haji Subang/Seri Setia, 2,545 di Lapangan Terbang Bayan Lepas, 2,280 di Johor Baharu, 760 di Kuching dan 760 bungkusan lagi di Kota Kinabalu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia